

15 DEC 1999

JANGAN PANDANG REMEH KEBOLEHAN WANITA SEBAGAI PEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Institut Pengurusan Wanita (WIM) menghantar surat rayuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta beliau menambah bilangan wanita dalam Kabinet.

Timbalan Pengerusi WIM Datuk Dr Nellie Tan-Wong berharap, ia dapat dilakukan sebelum 31 Dis ini.

Dalam persidangan berita di sini, beliau berkata kerajaan tidak harus memandang remeh kebolehan memimpin kaum wanita Malaysia. Surat rayuan itu dihantar kepada Dr Mahathir semalam.

Dr Nelli berkata, beliau kecewa kerana walaupun 62 wanita bertanding dalam pilihan raya 29 Nov lepas iaitu bilangan terbesar dalam sejarah negara, tetapi bilangan wanita dalam Kabinet baru telah dikurangkan kepada dua orang sahaja berbanding tiga orang sebelum ini.

Dr Nellie berkata, ramai daripada calon wanita pada pilihan raya baru-baru ini boleh dilantik ke Kabinet, jikapun bukan sebagai Menteri sekurang-kurangnya setiausaha Parlimen.

Beliau juga menekankan yang ini bukan satu kritikan tetapi hanya rayuan untuk menunjukkan adanya calon-calon wanita yang berkebolehan dan masih ada masa untuk memperbetulkan keadaan.

-- BERNAMA

PK AO PR